

# UMS sertai Piala FAM, Liga Futsal

Oleh VITALIS G. BINGKASAN

vbingkasan@yahoo.com

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) membuka lembaran baru lagi dalam sukan apabila mengambil keputusan menyertai Piala FAM dan Liga Futsal Kebangsaan Wanita tahun depan.

Ketua Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraaf Fong Abdullah berkata pihaknya kini dalam proses mendaftar Kelab Bola Sepak UMS (UMS FC) dengan Pesuruhjaya Sukan Malaysia.

Menurutnya, mendaftarkan kelab dengan Pesuruhjaya Sukan diwajibkan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) bagi membolehkan penyertaan dalam kejohanan di bawah badan induk bola sepak negara itu.

Pasukan futsal wanita UMS pula perlu menyertai pertandingan kelayakan bagi mendapat tempat dalam Liga Futsal Kebangsaan.

"Pertandingan kelayakan dijadualkan berlangsung di Selangor pada pertengahan Mei depan manakala liga kebangsaan dijangka berlangsung pada penghujung tahun ini hingga awal tahun depan," kata Asyraaf ketika dihubungi di sini kelmarin.

Ketika ditanya, Asyraaf



SEBAGAI KENANGAN ... Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman (kanan) menerima cendera kenangan daripada Ketua Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraaf Fong Abdullah pada Majlis Penghargaan Sukan UMS baru-baru ini.

memberitahu bahawa UMS memang telah sedia ada pasukan bola sepak lelaki dan futsal wanita.

"Kita sudah sedia adakedua-dua pasukan itu. Pasukan bola sepak lelaki UMS malahan telah banyak memenangi kejohanan tempatan dan peringkat kebangsaan (peringkat Universiti).

"Sebab itu, UMS telah mendapat tawaran Persatuan Bola Sepak Sabah (SAFA) untuk mewakili negeri ini ke Piala FAM dan kami ingin menyahutnya," katanya.

Sabah tidak mempunyai wakil dalam kejohanan yang dianggap saingan kelas tiga selepas Liga Super dan Liga Perdana berkenaan sejak kali terakhir menyertainya menerusi pasukan Beverly FC pada tahun 2007.

Beverly FC malahan telah menempah tempat ke Liga Perdana pada musim 2008 selepas muncul juara saingan peringkat liga dan naib juara peringkat piala kejohanan berkenaan pada 2007 tetapi mengambil keputusan tidak meneruskan cabaran kerana

masalah kewangan.

"Piala FAM musim depan dijangka akan bermula pada Mac. Ia bermakna masih ada masa untuk kami membuat persiapan sama ada untuk memantapkan pasukan mahupun mendapatkan sumber kewangan secukupnya.

"Buat masa ini pasukan sentiasa menjalani latihan.. begitu juga dengan pasukan futsal wanita selain menyertai pertandingan-pertandingan tempatan dan kebangsaan (peringkat universiti)," katanya.

Keputusan UMS menyertai Piala FAM dan Liga Futsal Kebangsaan berkenaan turut dialu-alukan Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Kamaruzaman Haji Ampon.

Beliau berharap keputusan UMS menyertai kedua-dua kejohanan itu akan terus memartabatkan UMS sebagai platform terbaik bagi melahirkan atlet ke peringkat tinggi.

Kamaruzaman berkata demikian semasa Majlis Penghargaan Sukan UMS di 1Borneo baru-baru ini.

Asyraaf menambah, kehadiran Kelab Bola Sepak Staf Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang dalam saingan Liga Perdana sekarang juga merupakan motivasi baik buat UMS.